



Siaran
AKHBAR
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 5 (78) 02/09

**KEBAJIKAN VETERAN ATM TERUS DIPERKASA MELALUI
PROGRAM INISIATIF PERUMAHAN VETERAN ATM**

KUCHING, 21 September 2023 – Timbalan Menteri Pertahanan, YB Adly bin Zahari dengan diiringi oleh Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Encik Sophian Isswandy bin Ismail telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Kunci Rumah Inisiatif Perumahan Veteran ATM peringkat Negeri Sarawak hari ini di Kampung Tanjung Bowang, Singai, Bau.

Pada majlis tersebut, YB Timbalan Menteri Pertahanan telah menyempurnakan penyerahan kunci rumah baharu kepada Veteran ATM, Encik Zakaria bin Abdullah. Beliau adalah antara veteran ATM tidak berpencen yang menerima Bantuan Sara Hidup (BSH) berjumlah RM300.00 sebulan. YB Timbalan Menteri Pertahanan turut meluangkan masa meninjau satu lagi projek perumahan Veteran ATM di bawah skim yang sama iaitu Rumah Bina Baharu milik Encik Johea anak Ligung yang terletak di Kampung Bokah, Lundu. Projek perumahan yang baru sahaja memulakan pembinaannya pada 23 Julai 2023 dijangka siap sepenuhnya pada 22 Oktober 2023.

Program Perumahan ini adalah merupakan antara inisiatif madani Kementerian Pertahanan dalam merealisasikan pelaksanaan dan halatuju Kertas Putih Pertahanan (KPP) dengan memastikan kebajikan dan kesejahteraan Veteran ATM terus terbela dan sentiasa terpelihara sejajar dengan jasa bakti dan pengorbanan para veteran ATM. Ia juga adalah salah satu strategi inisiatif Peningkatan Kualiti Hidup di bawah Pelan Strategik Mindef dalam Teras 7. Inisiatif ini diterjemahkan melalui Program Rumah Mesra Rakyat (RMR) yang merupakan kerjasama erat antara JHEV ATM dengan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) bagi membantu golongan berpendapatan isi rumah di bawah RM3,000 yang tidak mempunyai rumah atau tinggal di rumah usang tetapi mempunyai tanah untuk membina rumah sendiri yang sempurna dan selesa. Veteran ATM boleh membuat permohonan RMR di mana rumah akan dibina atas tanah sendiri dengan kos yang lebih rendah berbanding projek perumahan lain.

Melalui kuota program ini, Veteran ATM akan menerima dua peringkat bantuan iaitu subsidi di bawah Skim RMR yang dikawal selia oleh SPNB berjumlah RM20,000.00 dan bantuan perumahan JHEV ATM berjumlah RM65,000.00 di Semenanjung Malaysia dan RM75,000.00 di Sabah dan Sarawak. Manakala kos siling baik pulih rumah pula adalah sebanyak RM17,000.00 seunit. Sehingga 20 September 2023, sebanyak **44 permohonan bina baharu** dan **177 permohonan baik pulih** telah diluluskan melibatkan peruntukan berjumlah **RM 5.746 juta**.

Kriteria pemilihan Program Inisiatif Perumahan Veteran ATM terbuka kepada Veteran ATM atau balu yang mana pendapatan isi rumah di bawah jadual Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang telah ditetapkan. Bagi permohonan baik pulih, rumah yang didiami hendaklah rumah pemohon sendiri atau pusaka dan bukan rumah yang disewa. Skop bantuan hanya melibatkan komponen-komponen asas rumah sahaja seperti bumbung, dinding, lantai, tingkap yang tidak melibatkan struktur asal rumah. Seterusnya bagi permohonan bina baharu, pemohon mestilah belum memiliki rumah atau mendiami rumah yang terlalu uzur, tidak selamat diduduki, dan tidak ekonomi untuk dibaiki serta memiliki tanah sendiri.

Untuk rekod, ini merupakan lawatan rasmi pertama YB Timbalan Menteri Pertahanan ke negeri Sarawak selama tiga (3) hari untuk berjumpa serta menyantuni veteran-veteran ATM di negeri ini. Selain itu, beliau juga turut mengadakan lawatan dan tinjauan kawasan operasi di bawah tanggungjawab Markas Pemerintahan Medan Timur Tentera Darat. Hadir sama dalam program ini ialah Pengarah JHEV Cawangan Negeri Sarawak, Mejar Pahot anak Joll, Pengarah SPNB Negeri Sarawak, Encik Wan Habeeb Alli bin Wan Yep Mohdzar dan persatuan-persatuan veteran negeri Sarawak.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia
21 September 2023